



## UCAPAN HJ MOHD ALAMI MUSA PRESIDEN MUIS DI MAJLIS ANUGERAH MASJID RABU, 6 JAN 2010

Islam adalah agama yang bersandarkan kepada kitab – iaitu kitab Allah, Al-Quran Nur Karim dan Sunnah Baginda Nabi Muhammad s.a.w. Kita sedia maklum bahawa kedua-dua Al-Quran dan As-Sunnah mengandungi banyak pesanan, hikmah dan ilmu pengetahuan. Pendek kata, Islam merupakan agama yang menekankan pengisian atau kandungan. Tradisi memperkembangkan kandungan dan isi juga yang telah membawa umat Islam terdahulu mencapai kecemerlangan. Umat Islam akan hanya mampu menghayati ruh Islam sebenarnya jika mereka mengamalkan Islam secara keseluruhan – iaitu tidak hanya melakukan aspek-aspek bentuk atau ritual saja, tetapi lebih utama lagi, merangkumi aspek-aspek kandungan atau pengisian (“substance”). Ini adalah falsafah yang mendorong kita untuk menjadi penyampaian isi atau kandungan agama sebagai tunggak dakwah serta pembelajaran Islam.

2 Masjid merupakan institusi penting di dalam menyampaikan ilmu, hikmah serta pesanan-pesanan Al-Quran dan As-Sunnah kepada umat, selain dari memimpin mereka di dalam aspek-aspek peribadatan atau ritual. Aspek pengisian (content) merupakan aspek terpenting di dalam peranan masjid kita. Jika masjid lemah di dalam menyampaikan bahan ilmu dan pengetahuan, maka mereka kurang berkesan memainkan peranan sebagai institusi agama. Aspek pengisian merupakan kayu ukur kejayaan para pemimpin masjid kita. Kita semua akur bahawa dari segi rekabentuk dan pembinaan fizikal, masjid di Singapura tidak “se-gah” jika dibandingkan dengan masjid di negara-negara Islam yang bersedia dan mampu untuk membelanjakan begitu banyak dana untuk menyiapkan masjid yang



dikagumi. Kita tidak boleh bersaing dari aspek rekabentuk atau scala pembinaan masjid yang terdapat di negara-negara Islam.

3 Kekuatan kita adalah di dalam pengurusan masjid dan kepimpinan untuk menjadikan masjid sebagai institusi pembangunan umat dari segi memperkayakan kehidupan mereka dengan ilmu, pesanan-pesanan Al-Quran serta As-Sunnah dan segala macam pengetahuan yang diperlukan serta amalan-amalan yang menguatkan jati diri Muslim.

4 Kita telah berjanji, semasa konvensyen Masjid 2005, untuk merubah minda dan bersikap terbuka menjadikan masjid kita menarik bagi semua golongan – tidak kira usia, cara hidup mereka, jantina, bangsa atau agama. Masjid kita perlukan daya tarikan ini untuk menjadi berkesan sebagai institusi pembangunan umat yang menyeluruh. Masjid bukanlah hanya untuk mereka yang berusia lanjut, atau pun dari golongan Adam saja atau pun untuk mereka yang sudah dekat dengan agama. Kita sepakat pada 2005 untuk memasyarakatkan atau membumikan institusi masjid Singapura melalui konsep masjid mesra belia, mesra famili dan mesra masyarakat.

5 Empat tahun telah berlalu. Adakah janji-janji kita hanya janji-janji kosong? Sudahkah pemimpin-pemimpin masjid kita mengota janji mereka? Adakah para pemimpin masjid kita individu yang amanah dalam menjalankan tugas? Saya bertanya dengan teman-teman saya.

6 Visi masjid sudah ada. Jalan menuju ke arah visi ini sudah dipersetujui. Yang penting adalah untuk menilai, mengukur dan memastikan sejauh mana masjid-masjid Singapura telah membuat anjakan untuk menjadi institusi pembangunan umat yang penting serta berfaedah kepada masyarakat Islam Singapura.

7 Kami membuat keputusan untuk mengadakan satu kaedah sistematik untuk menilai sejauh mana masjid kita telah membuat peningkatan dari segi mutu



pengisian, pengurusan dan kekuatan daya tarik mereka. “Anugerah Masjid” (Mosque Awards) merupakan kaedah penilaian ini.

8 Apabila idea untuk memperkenalkan “Anugerah Masjid” ini dibuat, saya merasa sangsi oleh kerana saya kluatir masjid-masjid kita akan hanya berminat untuk mendapat anugerah untuk dipamerkan. Tetapi, saya telah diyakinkan oleh teman-teman saya bahawa “Anugerah Masjid” adalah cara berkesan untuk masjid kita memperbaiki diri, belajar dari yang terbaik dan mencapai tanda aras yang telah ditetapkan.

9 Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa dengan adanya “Anugerah Masjid”, masjid-masjid kita telah menunjukkan peningkatan dari segi pengisian, pengurusan dan usaha memasyarakatkan masjid. Malah masjid-masjid yang kecil juga telah ikut sama di dalam perjalanan meningkat mutu ini dan mereka telah diiktiraf.

10 Saya berasa gembira oleh kerana usaha gigih kita sejak 2005 sudah mula membuah hasil. Pada hari ini lebih banyak masjid kita sudah mempunyai ciri-ciri masjid mesra belia, masjid mesra famili atau pun masjid mesra masyarakat. Lebih banyak masjid juga telah diberi anugerah oleh kerana pencapaian mereka. Saya ingin mengucapkan syabas kepada mereka.

11 Moga-moga “Anugerah Masjid” membantu kita untuk menaik tarafkan masjid kita untuk menjadi institusi pembangunan umat Islam Singapura, sebagaimana masjid berperanan pada zaman Rasulullah (saw). Terima kasih.